

UMS Merungkai Isu GST Buat Mahasiswa



Oleh Kattiny Anak Bantan

Kota Kinabalu, 23 April - Berikutan daripada rungutan mahasiswa yang tidak berpuas hati dengan sistem percukaian GST, satu forum khas telah diadakan di UMS.

Forum ini telah diadakan di Kolej Kediaman Tun Fuad Stephens bermula dari jam 8 malam. Forum Isu Semasa "Anda Soal, Saya Jawab" merupakan satu forum khas yang diadakan bagi mendedahkan dan memberi kesedaran kepada mahasiswa UMS mengenai kepentingan dan kebaikan GST (*Goods and Services Tax*) kepada mahasiswa UMS.

Panel Pemikir dari Jabatan Hal Ehwal Khas Lokman Noor Adam berkata ada beberapa sebab mengapa harga barang naik selepas pelaksanaan GST.

Antaranya, stok lama dari peniaga yang terpaksa dituntut dan jika tidak dituntut ia akan menjadi cukai tambahan, cukai jualan dan cukai GST bercampur dalam satu barangan. President Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mewakili pelajar UMS Al-Farid Abraham dalam forum tersebut telah menyuarakan pandangannya bagi pihak pelajar di UMS mengenai ketidakpuasan para pelajar mengenai isu ini.

Beberapa panel khas telah dijemput antaranya wakil Bahagian Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Cik Nurfitri Suriani, wakil Jabatan Kastam, Tuan Nasip Usop, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Puan Noralifa Sundang serta pensyarah Fakulti Perakaunan, Ekonomi dan Perniagaan (FPEP), Encik Rozaidi Mahadi dijemput untuk memberikan penjelasan dan pandangan mereka mengenai pelaksanaan cukai GST dalam konteks mahasiswa.

Forum GST dilangsungkan bagi menjjawab persoalan pelajar tentang pelaksanaan GST.

Menurut para panel, fakta media massa adalah sangat berbeza dengan pendedahan secara terus mengenai GST.

Selain menjelaskan bahawa GST merupakan satu kaedah atau cukai yang dilaksanakan untuk para pengguna bagi memperolehi pendapatan negara.

Isu yang ditimbulkan ialah harga barang naik selepas pelaksanaan GST sedangkan sebelum ini sistem cukai SST sudah cukup baik berbanding cukai GST mengenakan kadar cukai 6% terhadap sesuatu barangan.

Antara persoalan hangat yang turut dibangkitkan pada masa itu ialah mengenai kenaikan yuran belajar yang menyebabkan pelajar tidak berpuas hati dengan sistem cukai GST.

Menurut salah seorang mahasiswa UMS Dominic Luis, pelajar tahun 3 Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, beliau merasa berpuas hati dengan forum tersebut kerana para panel jemputan dapat memberi jawapan bagi setiap persoalan yang dikemukakan oleh mahasiswa.

Beliau berkata, "GST merupakan satu kaedah atau cukai yang dilaksanakan untuk para pengguna bagi memperolehi pendapatan Negara,"

"Pada pendapat saya, GST sememangnya bagus untuk pendapatan Negara. Akan tetapi kerajaan harus meneliti kesan terhadap rakyat khususnya golongan sederhana juga pelajar. Apabila semua kenaikan harga barang berlaku, ini menyebabkan rakyat tidak berpuas hati. Berbalik kepada pendedahan pula, kerajaan seharusnya melaksanakan pendedahan secara terperinci kepada masyarakat dan bukan hanya media massa yang hanya sekadar memutarbelitkan masyarakat," tambahnya pada akhir kata temubual.